

25 MAR 2003

IRAQ: PERLIS ADAKAN SOLAT HAJAT

KANGAR, 25 Mac (Bernama) -- Perlis akan mengadakan solat hajat di semua 99 buah masjid di negeri itu berdoa agar peperangan di Iraq dihentikan segera, kata Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Kepenggunaan Negeri, Datuk Ishak Arshad hari ini.

Bercakap kepada Bernama beliau berkata, tarikh solat hajat itu akan ditetapkan oleh Malis Hal Ehwal Agama Islam Perlis.

Ishak meminta Jabatan Mufti Perlis menyediakan khutbah Jumaat khas mengenai kesan buruk peperangan dan pentingnya rakyat mengutamakan keamanan.

Semalam, ketika membenteng usul membantah tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat ke atas Iraq di Dewan Rakyat, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta semua masjid di seluruh negara mengadakan solat hajat dan berdoa agar peperangan itu dihentikan segera.

-- BERNAMA

RIS AD ZB